



# **POLISI PERMOHONAN PERMIT HIBURAN AWAM MDMD**

BAGI KONSERT, PERTANDINGAN  
KARAOKE DAN FUN FAIR YANG  
BERSKALA BESAR

**DIBENTANGKAN OLEH  
SEKSYEN KESIHATAN DAN  
PERKHIDMATAN BANDAR  
MDMD**



## ISI KANDUNGAN

PENGENALAN .....	3
OBJEKTIF.....	3
LATAR BELAKANG .....	3
SKOP & DEFINISI.....	4
Skop.....	4
Definisi: .....	4
ASAS PERUNDANGAN .....	5
KATEGORI PERMIT & KELAS HIBURAN .....	5
PROSES PERMOHONAN .....	6
SYARAT-SYARAT & GARIS PANDUAN .....	7
Keselamatan dan Kesihatan .....	7
Kebersihan & Kawalan Bunyi.....	7
Pengurusan Trafik.....	7
Tanggungjawab Penganjur .....	7
Permainan (Games) bagi Fun Fair .....	7
BAYARAN & YURAN .....	8
PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN .....	8
PENUTUP.....	8
LAMPIRAN .....	9
BORANG PERMOHONAN .....	9
SENARAI SEMAK DAN DOKUMEN SOKONGAN .....	10

## PENGENALAN

Kertas kerja ini disediakan sebagai garis panduan dan polisi rasmi Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) bagi permohonan lesen atau permit hiburan untuk penganjuran:

- Konsert
  - Karaoke (pertandingan)
  - Fun Fair
- (dalam skala yang besar)

Ia bertujuan memastikan aktiviti hiburan dijalankan dengan teratur, selamat dan mematuhi perundangan sedia ada.

## OBJEKTIF

1. Menetapkan prosedur dan syarat permohonan lesen/permit hiburan.
2. Menjamin keselamatan awam dan kawalan gangguan keharmonian.
3. Memastikan penganjur mematuhi undang-undang, syarat teknikal dan etika.
4. Meningkatkan kualiti serta standard penganjuran acara hiburan di kawasan MDMD.

## LATAR BELAKANG

### *Peningkatan Jumlah Acara Hiburan Komersial dan Komuniti di Matu dan Daro*

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Majlis Daerah Matu dan Daro telah menyaksikan lonjakan yang ketara dalam penganjuran acara hiburan, sama ada anjuran peniaga komersial mahupun pertubuhan komuniti setempat. Faktor-faktor seperti keinginan masyarakat untuk hiburan berkualiti, pertumbuhan populasi serta strategi promosi pelancongan domestik telah mendorong lebih ramai penganjur memilih Matu dan Daro sebagai lokasi program mereka. Daripada konsert muzik tempatan, pertandingan karaoke hingga ke pesta fun fair, kepelbagaiannya acara ini bukan sahaja menghidupkan suasana sosial tetapi turut menjana peluang perniagaan kepada peniaga gerai, pengusaha katering, penyedia peralatan pentas dan pengangkutan. Keadaan ini menggambarkan potensi besar sektor hiburan di daerah kita, namun pada masa sama menuntut kerangka perlesenan dan pengawalan yang kukuh bagi memastikan setiap acara berjalan lancar dan memberi pulangan positif kepada ekonomi setempat.

### *Keperluan Kawalan bagi Mengelak Masalah Keselamatan, Kebersihan dan Gangguan Bunyi*

Tatkala jumlah acara meningkat, risiko berkaitan keselamatan awam, tahap kebersihan dan gangguan bunyi juga turut melonjak. Tanpa pemantauan rapi, kemungkinan berlakunya kesesakan trafik, kecelakaan akibat kegagalan peralatan pentas, atau pencemaran bunyi melebihi had yang ditetapkan boleh menjaskan reputasi majlis dan menimbulkan rungutan daripada penduduk setempat. Oleh itu, dasar perlesenan perlu menetapkan syarat-syarat seperti pelan pengurusan lalu lintas, sijil keselamatan kebakaran, kawalan kapasiti penonton dan tahap desibel maksimum. Selain itu, penganjur diwajibkan menyediakan kemudahan

tandas mudah alih, tempat pembuangan sampah terurus dan pasukan kebersihan sepanjang acara berlangsung. Langkah kawalan ini direka untuk meminimumkan gangguan, menjamin keselamatan pengunjung dan memastikan acara hiburan memberi impak positif tanpa menjejaskan kualiti hidup komuniti.

### Merealisasi Sejarar Dasar Kebudayaan dan Pelan Pembangunan Ekonomi Setempat

Penggubalan polisi hiburan ini juga selaras dengan aspirasi dasar kebudayaan negara serta pelan pembangunan ekonomi negeri Sarawak dan daerah Matu dan Daro. Dengan menstrukturkan perlesenan acara, majlis bukan sahaja memartabatkan warisan seni dan budaya tempatan melalui ruang persembahan pelbagai genre muzik dan tarian tetapi juga menyemarakkan aktiviti ekonomi di segenap sektor. Acara hiburan yang terancang akan menarik pelancong luar, menggalakkan penginapan homestay, menarik pelaburan industri kreatif dan merancakkan perniagaan mikro dalam kalangan masyarakat setempat. Melalui pendekatan ini, majlis berharap dapat mewujudkan ekosistem hiburan yang mampan, memperluas manfaat ekonomi kepada penduduk, sambil memelihara identiti budaya unik Matu dan Daro.

## SKOP & DEFINISI

### Skop:

Semua penganjuran acara berbayar atau terbuka yang melibatkan keramaian.

### Definisi:

**“Konsert”** merujuk kepada acara persembahan muzik secara langsung di hadapan penonton, sama ada dibawakan oleh artis profesional yang sudah terkenal ataupun kumpulan bukan profesional dan bakat baharu. Setiap konsert biasanya menampilkan satu atau lebih genre muzik—seperti pop, rock, tradisional atau muzik eksperimental—with sokongan sistem buni berkuasa tinggi, pencahayaan pentas dan susun atur tempat duduk atau kawasan berdiri yang terancang. Penganjuran konsert juga menekankan aspek teknikal seperti keselamatan struktur pentas, kawalan kapasiti penonton dan pengurusan lalu lintas untuk memastikan pengalaman hiburan yang selesa dan terjamin keselamatannya.

**“Karaoke (Pertandingan)”** pula adalah satu bentuk hiburan interaktif di mana peserta bersaing menyanyikan lagu pilihan mereka menggunakan sistem karaoke lengkap dengan lirik yang dipaparkan pada skrin. Pertandingan ini boleh dibuka kepada komuniti setempat, peserta dari luar kawasan, atau gabungan kedua-duanya, dan biasanya dinilai oleh panel juri berdasarkan kualiti vokal, persembahan dan penghayatan lagu. Bentuk pertandingan karaoke sebegini bukan sahaja menggalakkan penyertaan aktif masyarakat tetapi juga memberi ruang kepada bakat baharu menyerlah sambil membina suasana ceria dan pergaulan sosial.

**“Fun Fair”** adalah pesta hiburan yang merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk gerai makanan dan minuman, permainan kanak-kanak dan dewasa seperti roda ferris atau trampolin, serta persembahan pentas seperti tarian, magik atau demonstrasi kebudayaan. Acara ini selalunya diadakan di tapak terbuka yang luas, menawarkan pengunjung satu pengalaman keluarga

dengan elemen rekreasi, santai dan peluang membeli-belah. Penganjur fun fair perlu memastikan susun atur gerai selamat, kawasan permainan terurus dan jadual persembahan pentas diselaraskan bagi membolehkan aliran pengunjung yang teratur dan seronok.


## ASAS PERUNDANGAN

1. The Local Authority Ordinance, 1996 (Sarawak)
2. Entertainment Ordinance, 2000
3. The Local Authorities (Advertisements) By-Laws, 2012
4. Entertainment Compounding of Offences) By-Laws 2002
5. The Local Authorities (Cleanliness) By-Laws 1999
5. Polisi Permit Hiburan Sementara MDMD
6. Prosedur Permohonan Lesen/Permit MS ISO 9001:2015

## KATEGORI PERMIT & KELAS HIBURAN

No.	Kategori	Jenis	Kelas Permit	Tempoh Sah
A	Konsert Muzik	A1 A2	Komersil Komuniti (Agensi)	1 hari ke 1 bulan sahaja
B	Karaoke (Pertandingan)	B1 B2	Komersil Komuniti (Agensi)	1 hari ke 7 hari sahaja
C	Fun Fair	C1 C2	Komersil Komuniti (Agensi)	1 hari ke 1 bulan sahaja

## PROSES PERMOHONAN



Dapatkan Borang Permohonan Permit di kaunter perlesenan atau muat turun di laman web MDMD.

### Dokumen Sokongan Yang Diperlukan :

- Salinan kad pengenalan pengajur
- Pelan susun atur tapak (layout plan)
- Pelan laluan kecemasan dan kawalan kebakaran
- Surat Sokongan daripada Pejabat Daerah (dimana event diadakan)
- Surat Sokongan daripada PDRM
- Senaraikan semua aktiviti hiburan yang akan dijalankan termasuk games permainan (fun fair) di stall (sertakan dengan gambar)
- Surat kebenaran pemilik tapak atau bukti bayaran sewa (jika tapak milik persendirian)

Sekiranya perlu, pihak MDMD akan menjalankan pemeriksaan tapak bagi memastikan kawasan adalah sesuai (keluasan, aliran trafik, kawasan letak kereta, kemudahan-kemudahan dan sebagainya)

Permohonan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan Awam dan Perniagaan untuk kelulusan  
Bagi melicinkan proses, pengajur dikehendaki untuk menghantar permohonan **2 BULAN SEBELUM TARikh EVENT (Mesyuarat ini dijalankan 3 bulan sekali)**

Sekiranya diluluskan, pihak MDMD akan mengeluarkan surat kelulusan dalam tempoh 14 hari

Pengajur perlu membuat pembayaran dan aktiviti promosi hanya boleh dilaksanakan setelah permit hiburan dan permit *advertisement* di keluarkan

## SYARAT-SYARAT & GARIS PANDUAN

### Keselamatan dan Kesihatan

- Pematuhan piawaian elektrik (juruelektrik berdaftar).
- Pematuhan prosedur keselamatan kebakaran (sijil dan peralatan Bomba).
- Kawalan kapasiti penonton (mengikut design venue).

### Kebersihan & Kawalan Bunyi

- Sediakan tandas mudah alih dan kemudahan mencuci tangan.
- Sistem pembesar suara tidak melebihi had kebisingan yang dibenarkan (surat kebenaran DOSH jika perlu).

### Pengurusan Trafik

- Susun atur parkir dan laluan kenderaan kecemasan.
- Runding dengan polis trafik untuk laluan dan kawalan lalu lintas.

### Tanggungjawab Penganjur

- Sediakan keselamatan swasta atau kawalan orang ramai.
- Liputan insurans liabiliti awam.
- Kebersihan di kawasan/tapak program
- Tiada penjualan arak (*on or off premise*)

### Permainan (Games) bagi Fun Fair

- Memastikan hanya *Games of Skill* sahaja beroperasi
- *Games of Chance* dan berunsur judi adalah di LARANG SAMA SEKALI

## BAYARAN & YURAN

No	Perkhidmatan/Perkara	Caj (RM)
1	Permit Stall Jualan Kanopi 10 x 10 Kanopi 20 x 20	7.00 sehari/lot 28.00 sehari/lot
2	Permit Stall Hiburan Kanopi 10 x 10 (Tapak Hiburan) Kanopi 20 x 20 (Tapak Hiburan)  Permainan akan di caj berdasarkan Entertainment Ordinance, 2000 Mesin permainan dan apa-apa permainan hiburan	50.00 per day 80.00 per day  10.00 sehari/mesin
3	Pentas Persembahan Tapak Hiburan Penyanyi Aktiviti Pentas Yang lain (Karaoke)	Melebihi 100 orang = 200.00 sehari 8.00 sehari/orang 10.00 sehari
4	Deposit Kebersihan	1000.00
5	Utiliti (Elektrik dan Air)	100.00 sehari
6	Banner promosi	Berdasarkan Advertisement By-Laws

*\*(Semua bayaran tertakluk kepada pindaan semasa MDMD)*

## PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

- Operasi penguatkuasaan oleh Unit Penguatkuasaan MDMD bersama Seksyen Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar dan Polis Diraja Malaysia (sekiranya diperlukan).
- Tindakan kompaun atau pembatalan permit jika syarat dilanggar.
- Laporan pemantauan berkala dan audit keselamatan.

## PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini akan membantu MDMD mencapai matlamat mewujudkan aktiviti hiburan yang selamat, teratur dan memberi manfaat ekonomi serta kesejahteraan komuniti setempat. Kerjasama penganjur, agensi berkaitan dan masyarakat amat dialu-alukan bagi memastikan kejayaan polisi ini.

## LAMPIRAN

### BORANG PERMOHONAN



KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN

BKPB(L)04/K11

#### BORANG PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA

Setiausaha  
Majlis Daerah: .....  
Sarawak

Yuran Pendaftaran: RM .....  
No. Resit: ..... Tarikh: .....

Tandatangan Pegawai: .....

Tandakan ( ✓ ) dalam kotak jenis permit yang dipohon

Saya / Kami\* yang mempunyai butir-butir yang dinyatakan dan bertandatangan di bawah, dengan ini memohon permit berniaga / berjaya daripada Majlis.

Lokasi yang dimohon : .....

Tempoh : .....

- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Sayur-sayuran / buah-buahan | <input type="checkbox"/> Tempat Letak Kereta (Parkir)     |
| <input type="checkbox"/> Pakaian                     | <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan): ..... |
| <input type="checkbox"/> Minuman/ Makanan            | .....   |

#### A) BUTIR-BUTIR PEMOHON

- i) Nama Penuh: .....
- ii) No. Kad Pengenalan\*\*: ..... (iii) Jantina: .....
- iv) Warganegara: ..... (v) No. Telefon Bimbit: .....
- vi) No Telefon Rumah / Pejabat\*: .....
- vii) Alamat Kediaman / Organisasi\*: .....
- viii) Alamat Surat Menyurat / Organisasi\*: .....

#### B) PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku semua maklumat yang diberi adalah benar dan jika didapati palsu, maka pihak Majlis berhak menolak permohonan ini atau menarik balik permit yang telah dikeluarkan kepada saya.

..... Tandatangan Pemohon

..... Tarikh

\* Potong mana yang tidak berkenaan

\*\* Sila sertakan dengan salinan kad pengenalan pemohon

#### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

CATATAN: .....

..... Disemak oleh:

..... Disahkan oleh:

..... LULUS / GAGAL\*

..... (Tandatangan)

..... (Tandatangan)

..... (Tandatangan)

Nama: .....

Nama: .....

Nama: .....

Jawatan: .....

Jawatan: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

\* Potong mana yang tidak berkenaan

## SENARAI SEMAK DAN DOKUMEN SOKONGAN

Bil	Senarai Dokumen Sokongan	Ada	Catatan
1	Salinan Kad Pengenalan Penganjur/Pemohon		
2	Pelan Susun Atur Tapak (Layout Plan)		
3	Pelan Laluan Kecemasan Dan Kawalan Kebakaran		
4	Surat Sokongan Daripada Pejabat Daerah (dimana program akan dijalankan)		
5	Surat Sokongan Daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM)		
6	Senarai Semua Aktiviti Hiburan Yang Akan Dijalankan Termasuk Permainan di Stall		Sertakan dengan gambar
7	Surat Kebenaran Pemilik Tapak Atau Bukti Bayaran Sewa Tapak (Jika Milik Persendirian)		

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua dokumen-dokumen sokongan telah diserahkan dan diperiksa.

Pegawai Penerima Dokumen,

.....  
Nama :

Jawatan :

Disahkan oleh,

.....  
Nama :

Jawatan :

Disediakan oleh:

SEKSYEN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR

Majlis Daerah Matu dan Daro

Tarikh: 10 MEI 2025